JANGAN JADI PERUNCIT NASIONALIS

HM - 4 MAR 1984

ALUR SETAR 3 Mac – Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada peniaga - peniaga bumiputera supaya jangan menjadi "perunci t nasionalis," dengan mencampuradukkan semangat kebangsaan dengan perniagaan serta iri hati kepada kejayaan kaum lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga mengesyorkan Pernas Edar memberi peluang kcpada bukan bumiputera scbagai pcngedar dan peruncit supaya bumiputera sendiri dapat membanding dan belajar cara - cara mereka menguruskan pcrniagaan.

"Kita mahu ada persaingan dan pertandingan dan kalau tidak ada pertandingan tak boleh judi cckap dan mencapai kejayaan dalam perniagaan," tegas beliau.

Berucap merasmikan pelancaran **skim** edaran sistem francais. Pcrnas Edar Sendirian Berhad (PESB) kc seluruh negara di Dcwan Datuk Sycd Omar di sini, Pcrdana Mcntcri juga mcngcsyorkan supaya "nasi lemak" dijadikan perniagaan mcngikut sistcm francais.

Beliau menegaskan bahawa sistem francais bukan sahaja sesuai berniaga di restoran - restoran tetapi juga perniagaan di kedai - kedai runcit.

Oleh Mat Piah Teh Deris

Katanya: "Saya tak faham kenapa orang - orang Melayu pandai memasak tapi tak pandai buka rcstoran. Kita ada kebolehan tapi cara pengurusan tidak begitu baik."

"Kita pcrlu bclajar dari orang lain dan tunjuk ajar dalam sesuatu usaha yang mempunyai banyak masalah," tambahnya.

Perdana Mcntcri selanjutnya memberikan dua perkara penting kepada pcniaga - pcniaga bumiputcra untuk mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan ia itu amannh dan mengikut aturan dan peraturan.

Menurutnya, dua perkara ini sudah cukup bagi seseorang peniaga untuk mencapai kejayaan di samping mempunyai iminat dan modal scndiri bagi memulakan sesuatu perniagaan itu.

Beliau menyatakan soal amanah adalah penting bagi menentukan kejayaan dalam bidang perniagaan dan "jangan percaya cakap orang kalau tnk tipu, tak untung."

Para peniaga juga pcrlu mcngikut aturan yang telah ditetapkan di dalam sesuatu pcrniagaan **di** mana **aturan** itu menambah pengalaman dalam berniaga.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyebut bahawa soal tawar menawar tidak bcgitu penting lagi dalam dunia perniagaan sekarang sebab kita jual dengan harga tetap.

"Kalau ada sistem macam itu, kita turut sahaja sistem itu," tambahnya.

Pcrdana Mcnteri menyatakan yang pertama perlu difahami kalau nak berniaga ialah mcngenai perbelanjaan dan mengambil kira tentang keuntungan:

Menurutnya, keuntungan itu sebahagian besar hendaklah disimpan bagi membesarkan perniagaan tersebut.

Pcrdana Mcnteri setcrusnva menyarankan kaum bumiputera mcsti bcrniaga sekarang ini juga dan "kita tak boieh tunggu 100 atau 200 tahun lagi baru nak berniaga."

Beliau menjelaskan sebenarnya Malaysia mcnghadapi masalah kerana "kita terdiri dari berbagai kaum dan berbilang bangsa yang berasaskan perniagaan bagi mencari wang."

Menurutnya, ornng - orang Melayu tidak mempunyai tradisi dalam perniagaan tapi mereka lcbih cekap dalam bidang tanaman dan bercucuk tanam di mana tiap - tiap satu sen yang diperolehi dianggap satu keuntungan.

"Begitu juga dengan orang - orang Melayu yang datang kc bandar menjadi pegawai kerajaan dengan mendapat gaji sebanyak $100 dianggop keuntungan tanpa mengambil kira daya pengeluaran, tenaga dan pemikiran mereka," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyarankan latar belakang seperti menjadi halangan kcpada orang - orang Melayu untuk mencapai kejayaan di dalam bidang perniagaan.

"Orang - orang seperti ini tidak mengambil kira tentang kejayaan," ujarnya.

Mengenai pinjaman bagi menjalankan perniagaan, beliau menyatakan keyakinan bank bagi mengeluarkan pinjaman bergantung kepada amanah kita dan soal amanah penting bagi meyakinkan bank itu.

"Kita harus ingat lebih sukar dapat keuntungan. Lebih banyak pinjaman bih lambat dapat dibayar balik," tambahnya.

Beliau mengingatkan peniaga - peniaga bumiputera sebolch – bolehnya menggunakan modal scndiri sebanyak - banyaknya dengan sedikit sahaja membuat pinjaman.

Mengenai sistem francais, Perdana Menteri menjelaskan sistem tersebut memudahkan bumiputera di dalam perniagaan melalui kedai - kedai runcit bukan dimiliki oleh Pernas Edar tetapi dipunyai oleh tuan - tuan kedai scndiri.

Beliau menyebut sistem francais merupakan satu sistem Yang digunakan di seluruh dunia termasuk di Kuala Lumpur terdapat banyak kedai makan jenis baru seperti McDonald Hamberger, Kentucky Fried Chicken dan "Sate Ria" Yang merupakan satu - satunya perniagaan bumiputera yang menggunakan sistem francais.